

Dari muka 52

MB kecewa penyokong bertindak di luar batasan

"Saya juga bersependapat bersama kira-kira 40,000 penyokong Terengganu yang berada di stadium kerana berasa tidak puas hati dengan tindakan pengadil membatalkan jaringan keempat pada minit 89," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media khas selepas merasmikan Seminar Sistem Wakaf Dalam Pembangunan Ummah di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), semalam.

Turut hadir Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh dan Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Yahaya Ibrahim.

Pada perlawanan itu, Te-

rengganu meraih kemenangan 3-2 tetapi keputusan Mohd Amirul membatalkan jaringan keempat menyaksikan Lions XII mara ke final Piala FA dengan kelebihan jaringan di tempat lawan selepas kedudukan terikat 4-4 secara agregat dalam aksi di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, kelmarin.

Penyokong Terengganu yang tidak dapat menerima keputusan itu, bertindak me-

rusuh selepas perlawanan itu mengakibatkan tiga anggota polis cedera, sebuah ambulans dibakar, cermin dua buah dan sebuah kereta turut dipecahkan.

Mengulas mengenai tindakan penyokong merusuh selepas perlawanan itu, Ahmad Razif mengakui kecewa dengan sikap segelintir penyokong yang bertindak di luar batasan sehingga merosakkan harta benda stadium dan kenderaan.

Katanya, pihaknya menyerahkan kepada polis untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dan kerugian akibat insiden yang tercetus itu dianggarkan berjumlah RM150,000 tidak termasuk kebakaran ambulans dan cermin bas yang pecah.

"Saya kecewa kerana kejadian tidak diinginkan berlaku selepas stadium ini baru pertama digunakan selepas siap dibaikpulih," katanya.